



Oleh **SITI AMINAH MOHD. YUSOF**
Foto **AMIR HAFIZ ABD. RAHMAN & GHAIE UCHIL**

RENCANA UTAMA

SEORANG pekerja kilang meratakan gandum yang akan dimasukkan ke dalam kopi campuran.



KOPI dipanggang menggunakan mesin khas selama kira-kira 30 minit.



PROSES pembungkusan produk kopi Agromas dilakukan dengan mesin.

Bukti pengusaha tempatan berdaya saing

BIJI kopi dipanggang pada suhu mencecah 200 darjah Celsius.

Kosmo
8/5/17
MIS-22

Agromas merupakan jenama yang dibangunkan FAMA untuk mengetengahkan pengusaha tempatan berdaya saing dengan imej produk dan reka bentuk pembungkusan tersendiri.

SEAWAL pukul 7.30 pagi, Mohd. Azman Harun, 53, sudah bersedia untuk memulakan rutinnya di Kilang Kopi FAMA, Kanchong Darat, Banting, Selangor. Lengkap bersarung tangan dan memakai serkup kepala, Mohd. Azman perlahan-lahan menuang 12 kilogram biji kopi ke dalam ketuhar pemanggang khas.

Aroma kopi yang agak keras namun mengasyikkan mula memenuhi ruang selepas beberapa ketika ia dipanggang pada suhu mencecah 200 darjah Celsius.

Adunan biji kopi itu dikacau berterusan secara automatik selama 30 minit sebelum dituang dan diratakan ke dalam dulang besar untuk melalui proses pengeringan dan penyejukan.

“Setelah sejuk, adunan itu membentuk ketulan-ketulan besar dan keras. Oleh itu, semua adunan dimasukkan ke dalam sebuah lagi mesin sebelum dikisar menjadi serbuk halus.

“Ia kemudiannya dicampur dengan

ramuan tambahan seperti gula, marjerin dan gandum. Oleh sebab itulah ia dikenali sebagai kopi campuran dengan kandungan kopi melebihi 50 peratus berbanding bahan sampingan,” ujarnya kepada *Kosmo!* ketika ditemui di kilang tersebut baru-baru ini.

Mohd. Azman yang berkhidmat di kilang itu sejak tahun 1981 berkata, jika dahulu, pekerja turut terlibat memproses kopi segar dipanggil kopi jambu atau buah kopi berkulit. Apabila dibuang kulit, ia dipanggil kopi beras atau lebih dikenali sebagai biji kopi.



MOHD. AZMAN

Sementara itu, **Pengurus Kilang Kopi FAMA, Faizal Shabudin** berkata, kilang itu

ditubuhkan pada tahun 1974 untuk membantu pekebun kopi di sekitar Banting ekoran isu lambakan komoditi berkenaan ketika itu.

“Justeru, pengurusan kilang telah membeli kopi daripada pekebun kecil antaranya dari Kampung Bukit Bangkong, Kampung Olak Lempit dan Kampung Kanchong Darat untuk diproses dan dijual sebagai serbuk kopi menggunakan jenama Anggerek.

Kilang kopi yang merupakan milik penuh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) di bawah FAMA Corporation Sdn. Bhd., itu kemudiannya memperkenalkan barisan produk premium berupa kopi pracampur jenama Agromas pada tahun 2010.

Perbezaan kopi pracampur dengan kopi campuran ialah kopi pracampur mengandungi bahan asas seperti kopi segera, krimer dan gula serta sedia dibancuh.

Justeru, menerusi konsep pengeluaran barangan asli (OEM) sejumlah tujuh produk unit simpanan



REKA bentuk pembungkusan produk Agromas ditentukan pihak FAMA.

stok (SKU) kopi pracampur diperkenalkan antaranya Premix Habbatus Sauda, Premix Coffee with Ginseng, Premix Premium Coffee, Premix White Coffee dan Premix Coco.

Habbatussauda

Beliau berkata, bahan mentah yang digunakan untuk produk Agromas termasuk kopi segera, gula dan krimer dianggarkan mencecah satu tan dengan kadar pengeluaran kira-kira 100 karton sehari terpulang kepada permintaan.

“Tanpa jenama kukuh dan diperakui seperti Agromas, agak sukar untuk mendapatkan slot terutama di pasar raya atau outlet beli-belah memandangkan produk berasaskan kopi membanjiri pasaran.

“Dalam usaha menjadikan produk kopi pracampur jenama ini berdaya saing, kami memilih bahan tambahan yang jarang dimasukkan pengeluar lain seperti habbatussauda yang mendapat sambutan hangat daripada pelanggan,” katanya produk itu turut menembusi pasaran Brunei dan Singapura.

Ketua Pegawai Eksekutif FAMA Corporation Sdn. Bhd., Pauzi Yaman

FAIZAL menunjukkan barisan produk premium kopi pracampur jenama Agromas.





SEBAHAGIAN rangkaian produk biskut keluaran Kilang Biskut SGK Food Industry.



RENCANA UTAMA

BISKUT keluaran SGK Food Industry mendapat perakuan halal daripada Jakim.

terpilih menjadi salah satu daripada pengeluar produk jenama tempatan itu. "Sebelum menyertai Agromas, kami memang sudah mengaplikasikan prosedur kualiti dan kebersihan dari segi halal yang diiktiraf Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

"Selain itu, produk kami turut mendapatkan persijilan daripada takat kawal kritis analisis bahaya (HACCP) dan sijil Skim Makanan Selamat Tanggungjawab Industri (Mesti).

"Itu merupakan antara kriteria pemilihan yang diambil kira oleh pihak FAMA sebelum memilih produk kami untuk disenaraikan di bawah program Agromas," ujarinya kepada *Kosmo!* ketika ditemui di Nilai, Negeri Sembilan baru-baru ini.

Menurutnya, buat masa ini SGK Food Industry mempunyai tiga produk di bawah jenama Agromas

Beliau mendedahkan, idea penubuhan kilang itu tercetus selepas tragedi tsunami melanda negara ini pada tahun 2004.

Sumbangan

Beliau yang berkecimpung dalam sektor perhotelan dan perniagaan kitar semula turut terpanggil membantu mangsa ombak besar dengan memberi sumbangan berupa biskut sebanyak dua kontena yang disalurkan menerusi beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO)

"Biskut merupakan produk sedia dimakan berasas tepung yang dapat dijadikan pengalas perut secara mudah dan pantas. Selain mengenyangkan, ia juga berkhasiat.

"Ketika memborong bekalan berkenaan dari kilang pengeluar kami terfikir alangkah baiknya jika kami mempunyai produk biskut sendiri dan menyediakannya mengikut

PETUGAS bahagian kualiti memeriksa prosedur pembungkusan.



STEVEN menunjukkan sebahagian produk keluaran Agromas dan Grandies syarikatnya.

berkata, Agromas merupakan jenama produk yang diperkenalkan FAMA pada tahun 1990 bermula dengan produk kaya kelapa di Rengit, Batu Pahat Johor. Ia berikutan isu lambakan buah kelapa ketika itu.

Pada tahun 2010 jenama Agromas mengalami transformasi dari segi logo, pembungkusan produk dan penstrukturan semula harga.

Makanan halal

Produk yang dijenamakan di bawah Agromas terdiri daripada produk keluaran kilang FAMA sendiri selain dipilih dalam kalangan pengusaha tempatan yang berdaya saing dan maju.

"Ia adalah platform kepada usahawan tempatan untuk meneroka pasaran yang lebih luas termasuk luar negara. Selama ia diperkenalkan, kami melihat ia membantu meningkatkan pendapatan usahawan pengeluar dan memperluaskan pasaran makanan halal tempatan.

"Tahun lalu, produk Agromas merekodkan nilai jualan berjumlah RM19.1 juta dan kami menyasarkan perolehan kadar jualan RM25 juta tahun ini," jelasnya.

Ujarnya, produk Agromas dijual di lebih 1,000 outlet seluruh negara antaranya di pasar raya besar seperti Giant, Mydin, AEON BiG selain di pasar raya Speedmart, Pasaraya Borong Sakan dan Pasaraya Darul Makmur, Pahang.

Sementara itu, **Ketua Pegawai Eksekutif SGK Food Industry, Steven K. Pillai** bercerita, sejak penubuhan kilang



PAUZI

KOSMO
8/5/17
MIS-23

INFO Agromas

- Mempunyai 74 produk aktif dengan penglibatan 26 usahawan
- Lebih 10 peratus daripada produk...

biskuit itu pada tahun 2005, pihaknya memberi tumpuan kepada eksport pasaran luar negara dengan jenama Grandies.

Bermula dengan mengeluarkan enam produk, syarikatnya kini memiliki 35 produk SKU vegetarian dengan snek signatur popular mereka iaitu biskuit lemak bergula, biskuit jagung, biskuit marie asli dan biskuit marie coklat.

Namun, apabila FAMA menawarkan SGK Industry untuk mengeluarkan produk Agromas pada tahun 2014 pihaknya berasa teruja. Pada masa sama bangga kerana

menyediakan mengikut iaitu biskuit jagung, biskuit gandum dan biskuit marie.

“Buat masa ini produk dari kilang kami telah menembusi 25 negara termasuklah Emiriyah Arab Bersatu, Jepun dan Korea Selatan.

“Ia meliputi antara 90 hingga 95 peratus kadar pengeluaran produk dengan *output* keseluruhan tiga treler setiap hari. Peeluaran produk kami di bawah Agromas mengukuhkan lagi pasaran produk kami terutamanya pada peringkat tempatan,” katanya.

menyediakan mengikut cita rasa kami seperti tidak terlalu manis atau masin,” imbasnya sambil tersenyum.

Beliau berharap, aktiviti amal tersebut dapat diteruskan pada masa akan datang dengan SGK Food Industry menyoar mengeluarkan lebih 100 SKU menjelang tahun 2020.

“Kami yakin produk inovatif tempatan mampu memberi impak tersendiri dan ini juga sebagai satu cara kami menyumbang kepada negara dengan memperkenalkan jenama Malaysia di luar negara,” ujarnya mengakhiri perbualan.

menembusi pasaran Singapura, Brunei, Korea Selatan dan China
■ Melibatkan usahawan yang telah berniaga lebih daripada tempoh setahun
■ Aspek pembungkusan ditentukan FAMA
■ Rekod jualan pada tahun 2016 ialah RM19.1 juta
■ Dijual di pasar raya Mydin, Giant dan AEON BiG

Rekod jualan perlu cecah 300,000

AGROMAS jenama yang dibangunkan oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menyasar untuk melancarkan 12 lagi produk baharu selepas Aidilfitri ini.

Pegawai Ehwal Ekonomi, Bahagian Pemasaran Industri Asas Tani FAMA, Muhammad Rafiq Ibrahim berkata, produk baharu itu termasuklah cip nangka, biskuit, produk berasas kopi, teh uncang pelbagai perisa, kordial jagung dan pati santan kotak.

“Reka bentuk pembungkusan

produk sudah diputuskan pihak FAMA, kami kini sedang menunggu bahagian pencetakan untuk proses seterusnya. Ada antara produk tersebut pernah dikeluarkan sebelum ini iaitu produk santan serbuk yang ditukarkan kepada produk pati santan kotak.

“Buat masa ini kami mempunyai 74 produk aktif melibatkan 26 usahawan tempatan termasuk dari Sabah dan



MUHAMMAD RAFIQ

Sarawak,” katanya ketika ditemui *Kosmo!* di Bandar Baru Selayang, Selangor baru-baru ini.

Beliau berkata, kriteria usahawan yang dipilih untuk mengeluarkan produk Agromas ialah mereka harus mencatatkan rekod jualan antara 150,000 hingga 300,000 produk setahun dan telah beroperasi

melebihi setahun. Menurut Muhammad Rafiq

pihaknya kini memberi tumpuan untuk meningkatkan akses masyarakat untuk mendapatkan produk tersebut dan sedang berusaha memperkenalkan Agromas di pasaran Asia Barat.

“Kami melihat produk seperti snek dan jem mudah mendapat tempat di pasaran luar negara. Namun ia dibuat mengikut cita rasa pelanggan kerana mereka lebih menggemari makanan yang kurang bergula dan lebih berkrim bagi produk berasaskan kopi,” ujarnya.